

# KERTAS KERJA

PEMBANGUNAN

**KOMPLEKS BALAI ISLAM CAWANGAN PERKIM**



*"Islam Itu adalah Persaudaraan"*



**PERKIM**  
Cawangan Manjung

# PENDAHULUAN

## KERTAS KERJA 2024

*Pembangunan Kompleks Balai Islam Cawangan Perkim Manjung*

Islam merupakan agama yang sejagat untuk seluruh manusia di muka bumi ini. Di Kampung Koh, Sitiawan Perak, merupakan kawasan penduduk kaum cina yang padat. Balai Islam Dinding ini telah dibina sejak tahun 1972 oleh seorang mubaligh Perkim yang bernama Salina Yong binti Abdullah.

Beliau telah mengajak ramai orang cina di Kampung Koh ini untuk memeluk agama Islam. Balai Islam ini juga merupakan surau bagi orang sekitar Kampung Koh yang memeluk Islam untuk solat berjemaah di situ. Balai Islam ini juga lokasinya berdekatan dengan pasar sehari yang dinamakan pekan Khamis. Ramai peniaga yang beragama Islam akan solat di surau ini.

Usia surau sudah hampir 50 tahun, bangunan yang separuh papan dan sekerat batu dah semakin uzur. Maka **Perkim Cawangan Manjung** mahu membina semula balai Islam ini dengan membuat kutipan dana khairat sebanyak tiga juta ringgit bagi Balai Islam Dinding ini, dan apabila siap dibina nanti ianya akan menjadi tempat perlindungan sementara bagi saudara baru yang memeluk Islam yang diusir oleh keluarga mereka.

## OBKEJTIKF

### 01. Memberi Perlindungan

Memberi perlindungan sementara kepada saudara baru yang memeluk Islam yang diusir oleh keluarga mereka.

### 02. Aktivi Dakwah

Menjalankan aktiviti dakwah dan khidmat sosial masyarakat.

### 03. Kelas Fardu Ain Muallaf

Mempunyai bilik-bilik kuliah dan dewan kuliah untuk Kelas Fardu Ain muallaf dan Seminar atau bengkel.

### 04. Tadika Islam Perkim

Mempunyai sebuah Tadika Islam Perkim Kampung Koh untuk keperluan komuniti setempat.

### 05. Gerai Komuniti

Mempunyai sebuah Pejabat Perkim Cawangan Manjung.

### 06. Pejabat Perkim

Mempunyai sebuah Pejabat Perkim Cawangan Manjung.




# KERTAS KERJA 2024

## *Pembangunan Kompleks Balai Islam Cawangan Perkim Manjung*

Balai Islam Dinding ini apabaila siap dibina nanti ianya akan menjadi tempat perlindungan sementara bagi saudara baru yang memeluk Islam yang diusir oleh keluarga mereka. Balai Islam ini juga akan menjadi tempat kelas pengajian Kelas Fardu Ain saudara kita kerana buat masa ini mereka menumpang Masjid Nurul Hidayah Manjung.

Balai Islam ini juga akan dijadikan tempat kursus dan seminar untuk aktiviti saudara kita yang ada lebih dua ratus orang berada di daerah Manjung ini. Balai Islam ini juga akan menjadi Pejabat Perkim Cawangan Manjung serta Tadika Islam Perkim Manjung dan gerai mini untuk membantu saudara kita untuk menjana pendapatan keluarga melalui aktiviti ekonomi kecil.

Maka Perkim Cawangan Manjung mengorot langkah bagi mendapatkan dana secara kutipan khairat dan juga ada membuat permohonan sumbangan daripada menteri besar Perak.



# PEMBANGUNAN KOMPLEKS BALAI ISLAM CAWANGAN PERKIM



**No Tel:**

+6013-451 5298  
**Hj Mohd Zainal Bin Adnan**  
Pengerusi Pembinaan Balai Islam

+6012-4663096  
**Hjh Samhah Nu Binti Abdullah**  
Setiausaha Pembinaan Balai Islam

+6012-536 4774  
**Hjh Fakherah Binti Mohd Irfan**  
Bendahari Pembinaan Balai Islam



**Message:**

[perkim@balaiislam.webmy.my](mailto:perkim@balaiislam.webmy.my)

**Website:**

<https://balaiislam.webmy.my>



**Adress:**

Kompleks Balai Islam Perkim  
Kampung Koh, 32000 Sitiawan  
Perak Darul Ridzuan